

08/08/1997

Penutupan rendah di BSKL soal biasa

KUALA LUMPUR, khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap penutupan rendah di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) bukan satu fenomena yang membimbangkan.

Menurut Perdana Menteri, adalah satu perkara biasa bagi pengurus dana untuk menarik diri pada saat-saat sedemikian kerana mereka bimbang mengenai penurunan berterusan.

"Saya tidak bimbang. Bagaimanapun, saya harap pengurus dana tempatan akan memasuki pasaran sekarang dan membeli saham yang murah ketika ini," katanya selepas melancarkan InterAsia Fairs and Exhibition Sdn Bhd, di sini hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai kejatuhan harga saham di BSKL yang ditutup pada keseluruhannya rendah hari ini berikutan kemunculan semula tekanan jualan dan pelabur asing tidak memberi sokongan.

Indeks Komposit jatuh 23.41 mata atau 2.46 peratus untuk ditutup pada 928.33. Indeks Emas turun 5.55 mata kepada 269.95, Indeks Perusahaan jatuh 58.04 mata kepada 1,871.05 dan Indeks Papan Kedua susut 13.81 mata kepada 511.01. Indeks Kewangan menjunam 153.95 mata kepada 8,009.10.

Sebanyak 631 kaunter mengalami penurunan berbanding dengan 69 yang naik, 89 diniagakan tidak berubah dan 90 lagi tidak diurus niagakan.

Penjualan oleh pelabur asing muncul semula semalam dan ia memeranjatkan pemain institusi tempatan yang dipercayai sedang memberi sedikit sokongan kepada indeks.

Sempena pelancaran itu, Dr Mahathir juga menyaksikan majlis menandatangani perjanjian untuk menganjurkan tiga pameran utama di ibu negara antara InterAsia Fairs and Exhibition Sdn Bhd dengan Hannover Fairs Asia Pte Ltd.

Berdasarkan perjanjian itu, kedua-dua syarikat itu akan menganjurkan Pameran Industri Malaysia (MIF 98), Pameran Antarabangsa Bagi Multimedia, Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi (MIT 98) dan Pameran Teknologi Automotif Antarabangsa.

Hadir sama, Pengerusi InterAsia Fairs and Exhibition Sdn Bhd, Senator Datuk Ibrahim Ali dan Pengerusi `Board of Deutsche Messe AG' Jerman, Prof Dr Kalus E Goehrmann.

Mengenai kelewatan pembukaan Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA) Sepang, Perdana Menteri tidak menganggap ia sesuatu yang kritikal.

(END)